

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

MAKLUMAN

Kepada mahasiswa/i, Semester II Sesi 2020/2021
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
11 Januari 2021

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MAKLUMAN DAN GARISPANDU PENDAFTARAN KURSUS PENGAJIAN (PKP) SEMESTER II SESI 2020/2021

[PENDAFTARAN BERMULA 11 HINGGA 24 JANUARI 2021]

1. **Setiap semester**, semua mahasiswa/i yang aktif/Sedang Maju (SM) dalam pengajian adalah dikehendaki untuk membuat **Pendaftaran Kursus Pengajian (PKP)** seterusnya mendapatkan **Slip Pendaftaran Peperiksaan Akhir (SPPA)**.
2. PKP **dibuat secara SATU PERSATU** melalui pendaftaran dalam talian yang disediakan menggunakan akaun rasmi M365 pelajar masing-masing (...@kpusb.edu.bn).
3. Kursus yang didaftar adalah tertakluk kepada pengesahan fakulti/pusat yang berkenaan dan **pihak KUPU SB yang berkenaan boleh mengubah/menambah/menggugurkan kursus yang didaftar atas pengesahan yang berkenaan jika perlu**.
4. PKP dalam talian **dibukakan selama 2 minggu bermula hari pertama semester baru dibuka** (seperti yang dijadualkan dalam Taqwim KUPU SB). Pendaftaran yang **lewat** boleh dikenakan **bayaran denda sebanyak BND\$50.00 (Ringgit Brunei Lima Puluh Sahaja)**.
5. Pelajar yang **tidak mendaftar setelah 30 hari semester dibuka boleh dikira TIDAK MENDAFTAR SEMESTER** berkenaan dan kebenaran mengikuti pengajian pada semester tersebut adalah tertakluk kepada pengesahan/sokongan pihak yang berkenaan.
6. Mana-mana **pelajar yang TIDAK mendaftar PKP adalah dikira tidak aktif dalam semester berkenaan** dan adalah **tidak dibenarkan mengikuti sesi-sesi pengajaran/ujian/peperiksaan** dan pelajar berkenaan boleh dihalang **untuk membuat PKP semester selanjutnya** dan boleh **diberhentikan dari pengajiannya**.
7. Pelajar yang ingin membuat penangguhan pengajian **hendaklah membuat permohonan kepada Pendaftar dan menghadapkannya ke BHEA** seterusnya disahkan oleh fakulti/pusat masing-masing.
8. SPPA akan dikeluarkan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.
9. **BHEA berhak mengubah/mengemaskini garispandu PKP dari masa ke semasa jika diperlukan.**

Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi Bahagian Hal Ehwal Akademik.

Sila layari pautan <https://tinyurl.com/pkpregkpusb> untuk mendaftar atau imbas kod QR berikut:



Sekian dimaklumkan.

Unit Peperiksaan & Pengijazahan,
Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUPU SB